



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH**  
*Office Of The State Secretary Of Sabah*  
**JABATAN KETUA MENTERI**  
*Chief Minister's Department*  
Aras 28, Blok A, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah  
Jalan UMS, Teluk Likas  
88400 KOTA KINABALU, SABAH  
MALAYSIA

Tel : +6088-369 900  
: +6088-369 901  
Faks : +6088-211 016

Rujukan : JKM100-4/62  
Tarikh : 12 Januari 2021

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Pejabat Daerah/ Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil  
Semua Ketua Pegawai Eksekutif Badan-badan Berkanun  
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan

Yang Berbahagia Datuk / Tuan / Puan,

**OPERASI PEJABAT KERAJAAN NEGERI SEMASA PELAKSANAAN  
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) PADA 13 – 26 JANUARI 2021**

Perkara di atas dirujuk.

2. Selaras dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Negeri Sabah mulai 13 Januari 2021 hingga 26 Januari 2021, dimaklumkan bahawa pengoperasian semua perkhidmatan pejabat Kerajaan Negeri adalah pada kadar **30%** dengan kehadiran Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Manakala, bagi kehadiran Kumpulan Sokongan akan ditentukan oleh Ketua Organisasi masing-masing.

3. Semua Ketua Organisasi dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan seperti berikut:

- 3.1 Menentukan perkhidmatan penting (*essential services*) dan perkhidmatan yang difikirkan perlu melalui pelaksanaan sistem penggiliran kerja yang sesuai.
- 3.2 Mengeluarkan Surat Arahan Bertugas kepada penjawat awam yang dikehendaki bertugas di pejabat atau di lapangan, Salinan surat arahan bertugas hendaklah dikemukakan ke pejabat ini.
- 3.3 Memastikan penjawat awam yang diarah bekerja dari rumah (*Work From Home*) mematuhi peraturan-peraturan sebagaimana Surat Edaran JKM.100-4/62 bertarikh 17 Mac 2020.

4. Semua penjawat awam hendaklah mematuhi sepenuhnya peraturan-peraturan semasa dan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau Pihak Berkuasa.

.../2-

**“SABAH MAJU JAYA”**

Rujukan : JKM100-4/62  
Tarikh : 12 Januari 2021


**OPERASI PEJABAT KERAJAAN NEGERI SEMASA PELAKSANAAN  
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) PADA 13 – 26 JANUARI 2021**

---

5. Adalah menjadi tanggungjawab kita bersama-sama memerangi penularan wabak COVID-19.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



( DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP.)  
Setiausaha Kerajaan Negeri

**“SABAH MAJU JAYA”**